

## 'Tun M mahu redakan suhu politik negara'

KUALA LUMPUR - Kenyataan terbaharu Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai isu video kontroversi semalam bertujuan meredakan 'suhu' politik negara yang saban hari dihidangkan dengan hal berkaitan video berkenaan.

Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, kerajaan Pakatan Harapan (PH) mempunyai tugas

dan tanggungjawab lebih penting yang perlu dijalankan.

"Saya percaya hasratnya adalah untuk mengembalikan semula fokus kepada tugas hakiki kenapa kita dipilih oleh rakyat," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) 2019 di Sunway Pyramid Convention Centre di sini semalam. - Bernama



SAIFUDDIN NASUTION